

# Penduduk pedalaman menderita

B/H 05/10/2009

Banyak kawasan luar bandar belum terima bantuan makanan, ubat-ubatan



## Bencana Padang

Oleh Mohd Iwan Tuah  
ifwan@bharian.com.my

**P**ARIAMAN: Selepas lima hari gempa bumi menggoncang Sumatera Barat dengan angka korban mencecah lebih 600 orang, beratus lagi masih hilang atau tertimbus, masih banyak kawasan khususnya luar bandar tidak menerima sebarang bantuan.

Antara kawasan yang terjejas teruk dengan gempa bumi, tetapi belum menerima bantuan sepatutnya ialah Padang Pariaman, Kota Pariaman dan Pessel, menyebabkan penduduknya menderita.



TIGA beradik, Rico (kiri), Adi (tengah) dan Fauzi mengalihkan almari pakaian di bawah runtuhan di Kampung Desa Tiram Tapakis, daerah Pariaman.

kan penduduknya menderita kekurangan bekalan makanan serta ubat-ubatan.

Pihak berkuasa dan pasukan bantuan asing terutama dari Barat dilihat hanya memberi tumpuan di kawasan Padang, ibu negeri Sumatera Barat, manakala kawasan pedalaman 'ditinggalkan'.

Penduduk Kampung Desa Tiram Tapakis di Pariaman mendakwa sehingga kini tiada langsung bantuan disalurkan kepada kira-kira 500 penduduknya yang hampir semuanya kehilangan tempat tinggal mereka.

Tinjauan *Berita Harian* mendapati kira-kira 90 peratus rumah di kampung yang terletak di tepi Pantai Wisata Tiram Ulakan Tapakis, kira-kira 70 kilometer dari Padang dan 25 kilometer dari pusat bandar Kota Pariaman sudah ranap.

Kebanyakan rumah yang dibina dari kayu ranap menyembah bumi manakala kediaman berasaskan batu bata mengalami keretakan teruk dengan sebahagiannya juga roboh, menyebabkan penghuninya tidak berani masuk kediaman mereka.

Anton Caniago, 40, berkata

penduduk kehilangan harta benda dalam kejadian itu dan hidup dalam kesusahan.

"Bayangkan, kami sudah tiada rumah dan kini terpaksa tidur di dalam kemah sementara dan sesetengahnya hanya tidur di atas rumput di padang terbuka.

"Sudahlah kebanyakan penduduk di sini terdiri daripada petani dan nelayan miskin, kini semuanya bertambah miskin kerana tidak mempunyai mata pencarian," katanya.

Sam Anan, 35, berkata nelayan kini tidak berani turun ke laut kerana bimbang tsunami melanda kerana diberitahu gempa susulan masih terjadi beberapa hari selepas gempa berkekuatan 7.6 Skala Richter itu, Rabu lalu.

Beliau yang menganggap kerajaan menganaktirikan penduduk kawasan pedalaman, berkata ketika ini penduduk hanya makan apa yang ada dan sangat berharap bantuan segera.

"Kami tahu, di bandar itu (Padang) kerajaan memberi sepenuh tumpuan dan segala bantuan sedangkan kami di sini, air sebotol pun tidak dihantar, apatah lagi mem-



**ANGGOTA** Persatuan Bulan Sabit Merah memasak untuk juaah makanan tengah hari untuk pasukan-pasukan Bantuan Menyelamat dari Malaysia.

beri perlindungan lain," katanya.

Sementara itu, di Pariaman yang kebanyakan kampungnya dilanda gempa bumi menyebabkan tanah runtuh menghempap ratusan kediaman, bantuan masih berkurangan dengan hanya beberapa pasukan bantuan asing termasuk Mercy Malaysia saja yang berada di kawasan berkenaan.

Jurucakap Mercy berkata,

#### FAKTA NOMBOR

# 500

## penduduk

Kampung Desa Tiram Tapakis di Pariaman belum terima bantuan, hilang tempat tinggal

pihaknya menghantar beberapa sukarelawan untuk meninjau keadaan kawasan itu dengan sedikit bekalan ubat-ubatan sebelum bantuan seterusnya tiba.

Sementara itu, Pasukan Mencari dan Menyelamat Malaysia (Smart) yang terdiri daripada 25 anggota memulakan operasi mencari dan menyelamat (SAR) di dua hotel yang runtuh, semalam, namun tiada mangsa ditemui.